

Kejayaan pemangkin pelajaran adik

31 Okt - 3 Nov 2015

Kebudayaan dan Kesenian Sultan
Izz Shah, Universiti Putra Malaysia

NI PERTANIAN



**"Satu
pengembaraan
sudah habis dan
saya akan
mulakan
perjalanan baru"**

Nurbaitul Izzah Nordin

Serdang: "Saya bangga apabila kejayaan ini menjadi pemangkin semangat paling besar untuk adik-adik.

"Kalau dulu mereka tidak serius ketika mengulang kaji pelajaran, kini mereka berlumba-lumba untuk mendapatkan keputusan cemerlang," kata graduan orang kurang upaya (OKU), Nurbaitul Izzah Nordin, 25.

Nurbaitul Izzah menerima Ijazah Sarjana Muda Kepujian Biologi pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-39 di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Anak sulung daripada lima beradik itu mengalami masalah saraf sejak kecil hingga terpaksa bergantung kepada kerusi roda atau alat sokongan khas untuk berjalan.

"Dalam keluarga kami,

ayah dan adik hongsu OKU. Namun ia bukanlah kekurangan besar kerana masing-masing mampu berdiri kari.

"Malah, saya sendiri cukup beruntung kerana dikelilingi saudara, rakan dan orang kampung yang tidak pernah jemu memberi sokongan untuk berjaya," katanya yang berhasrat menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi pada masa akan datang.

Menurut Nurbaitul Izzah, dia optimis dengan perjalanan hidupnya dan yakin mendapat peluang kerja setanding orang normal lain.

"Alhamdulillah, satu pengembaraan sudah habis dan saya akan mulakan perjalanan baru dalam hidup.

"Buat masa ini, emak menyuruh saya memohon kerja menerusi laman Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

"Pada masa sama, saya juga masih memikirkan sama ada hendak mencari pekerjaan atau menyambung pengajian," katanya.

NUBAITUL Izzah berkongsi kegembiraan bersama adiknya, Muhamad Hakim (dua dari kiri) dan Muhammad Faiz.